

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN]

TARIKH : 26 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN NO. 24

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan statistik dan prestasi pengendalian kontena oleh pelabuhan-pelabuhan utama di Malaysia untuk separuh tahun yang pertama 2020 (1H 2020) khususnya untuk Pelabuhan Klang, Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Pelabuhan Pulau Pinang berbanding dengan tahun-tahun yang lepas. Apakah langkah khusus yang diambil Kerajaan untuk merancakkan lagi industri logistik dan pelabuhan kita.

JAWAPAN:

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, statistik dan prestasi pengendalian kontena (TEU) khususnya Pelabuhan Klang, Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Pelabuhan Pulau Pinang bagi separuh tahun yang pertama 2020 (1H 2020) berbanding separuh tahun yang pertama tahun 2018 dan 2019 adalah seperti berikut:

Pelabuhan	2018 (TEU)	%	2019 (TEU)	%	1H 2020 (TEU)
Port Klang	5,874,912	↑ 12.38	6,602,672	↓ 9.31	5,987,501
PTP	4,382,002	↑ 4.58	4,582,977	↑ 1.28	4,641,885
Pulau Pinang	744,925	↑ 0.98	737,615	↓ 7.85	679,688

2. Pelabuhan Klang telah mencatatkan peningkatan sebanyak 12.38% daripada 5.87 juta TEU (2018) kepada 6.6 juta TEU (2019). Peningkatan sebanyak 4.58% direkodkan bagi Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) iaitu daripada 4.38 juta TEU (2018) kepada 4.58 juta TEU (2019) dan begitu juga Pelabuhan Pulau Pinang mencatatkan peningkatan sebanyak 0.98% daripada 0.744 juta TEU kepada 0.737 juta TEU.

3. Bagi prestasi pengendalian kontena bagi separuh tahun yang pertama tahun 2020 (1H 2020) pula, Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Pulau Pinang telah menunjukkan penurunan dibandingkan dengan tempoh yang sama pada tahun 2019. Sehingga Jun 2020, Pelabuhan Klang mencatatkan penurunan sebanyak 9.31%, manakala bagi

Pelabuhan Pulau Pinang menunjukkan penurunan sebanyak 7.85%. Namun begitu, Pelabuhan Tanjung Pelepas telah menunjukkan petanda positif dengan pencapaian pengendalian kontena sebanyak 4.64 juta TEU setakat separuh tahun pertama tahun 2020 dengan mencatatkan peningkatan 1.28% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2019.

4. Melihat kepada keadaan semasa dan trend aktiviti pengendalian kontena sehingga pertengahan tahun 2020, Pelabuhan Tanjung Pelepas telah merasionalisasikan semula sasaran (*forecast*) pengendalian kontena sebanyak 9.5 juta TEU sehingga akhir tahun 2020, diikuti Pelabuhan Klang sebanyak 11.4 juta TEU dan Pelabuhan Pulau Pinang sebanyak 1.6 juta TEU.

5. Sebagaimana sedia maklum, industri maritim juga terjejas akibat daripada kesan penularan pandemik Covid-19 termasuklah pelabuhan-pelabuhan yang mengalami permasalahan yang sama iaitu kesukaran untuk melaksanakan operasi pelabuhan sepertimana biasa akibat sekatan-sekatan yang perlu dikenakan oleh Kerajaan melalui pendekatan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) demi membendung penularan wabak Covid-19 dalam kalangan komuniti rakyat Malaysia.

6. Di sepanjang tempoh PKP, kebanyakan pelabuhan mengalami isu kesesakan pengendalian kargo/kontena di yad import berbanding di yad eksport yang berkemungkinan berpunca daripada penutupan kilang-kilang yang memproses barangan untuk tujuan eksport, manakala terdapat kilang-kilang yang diklasifikasikan sebagai pengeluar barangan bukan keperluan (*non-essential items*) tidak dibenarkan beroperasi tanpa kebenaran dalam tempoh awal pelaksanaan PKP. Hal ini sedikit

sebanyak menjejaskan prestasi pengendalian kontena di pelabuhan-pelabuhan berkaitan.

7. Tambahan pula, kekurangan jumlah pengimportan dan pengeksportan kargo melalui kontena juga berkurangan disebabkan oleh negara-negara dunia yang juga mengambil pendekatan yang sama bagi menutup operasi perkilangan dan industri masing-masing bagi mengekang penularan wabak pandemik Covid-19 di kalangan rakyat masing-masing.

8. Sebagai langkah mengatasi isu kesesakan tersebut, Kementerian Pengangkutan telah pun melaksanakan empat (4) fasa pelepasan barangan kargo/kontena di pelabuhan-pelabuhan negara seperti berikut:

- (a) Fasa Pertama : 27 hingga 29 Mac 2020
- (b) Fasa Kedua : 04 hingga 07 April 2020
- (c) Fasa Ketiga : 13 hingga 15 April 2020
- (d) Fasa Keempat : 20 hingga 24 April 2020

9. Secara keseluruhannya, pelaksanaan keempat-empat fasa pelepasan kontena dilihat telah memberikan kesan yang positif yang mana prestasi pengendalian kargo/kontena di pelabuhan-pelabuhan mula berada pada tahap yang baik dan terkawal. Sejak pelaksanaannya, kebanyakan pelabuhan juga dilihat telah kembali beroperasi sepertimana biasa sebagaimana keadaan sebelum PKP dikuatkuasakan.

10. Pelaksanaan keempat-empat fasa ini adalah mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah digariskan serta selari dengan Peraturan-Peraturan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan

Penyakit Berjangkit 1988 (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 2) 2020.

11. Dalam rancangan Kerajaan untuk merencanakan lagi industri logistik dan pelabuhan negara, Kementerian telah pun mempergiatkan usaha untuk mempertingkatkan/menggalakkan penggunaan automasi dalam pelabuhan, *internet of thing* dan digitalisasi khususnya dalam menghadapi situasi yang mencabar ketika ini. Salah satu inisiatif yang dilaksanakan baru-baru ini adalah penggunaan Sistem Pengesanan Kontena Kawalan Jauh (*Remote P-Check System*) yang dibangunkan oleh operator pelabuhan iaitu Westports Malaysia Sdn. Bhd. di Pelabuhan Barat yang membolehkan proses pengesanan kontena dilaksanakan dengan lebih pantas tanpa *human interaction*.

Sekian, terima kasih.